

17/10/1997

BN umum calon Sungai Bakap

GEORGETOWN, Khamis - Naib Ketua Pemuda Gerakan Pulau Pinang dan Ketua Pemuda Bahagian Nibong Tebal, Lai Chew Hock, 32, diumumkan sebagai calon Barisan Nasional (BN) untuk bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap dalam pilihan raya kecil pada 8 November depan.

Pemilihan Lai yang dilahirkan di Simpang Empat, Sungai Bakap itu sudah mendapat persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon membuat pengumuman itu dalam sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, dekat sini, pagi ini.

Dr Koh yang baru kembali dari misi pelaburan ke Jerman dan Ireland itu juga mengumumkan perlantikan Naib Pengerusi Gerakan Pulau Pinang, Dr Goh Cheng Teik sebagai Pengarah Operasi pilihan raya kecil itu.

Dr Goh yang juga Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi akan dibantu Jawatankuasa Penyelaras BN Bahagian Nibong Tebal yang dianggotai Ketua Bahagian Umno Nibong Tebal, Datuk Abdul Rashid Abdullah; Pengerusi MIC negeri, Dr K Rajapathy dan Pengerusi MCA Nibong Tebal, Ong Teck Leong.

Dr Koh yang menganggap pilihan raya kecil berkenaan sebagai penting kepada semua, turut meminta pemilih supaya keluar memberi sokongan sepenuhnya kepada Lai.

(END)